

19hb Jun 2019

Saudara / Saudari,

**TEMUDUGA BAGI PEMILIHAN CALON-CALON PROGRAM PERTUKARAN
PELAJAR YAYASAN AFS ANTARABUDAYA MALAYSIA SESI 2019/2020**

Sukacita dimaklumkan bahawa anda dijemput untuk menghadiri sesi temuduga bagi pemilihan calon-calon program pertukaran pelajar Yayasan AFS Antarabudaya Malaysia sesi 2019/2020 pada:

Tarikh : Sabtu, 22hb Jun 2019
Masa : 9.00am – 5.00pm
Tempat : SMK JALAN REKO, 43000 KAJANG, SELANGOR.

(Sila rujuk lampiran untuk melihat senarai nama dan sesi temuduga anda. Anda dikehendaki hadir sehingga tamat sesi pada waktu yang telah ditetapkan)

Sila bawa dokumen-dokumen berikut:

- 1. Kad pengenalan**
- 2. Slip Keputusan Peperiksaan (Perlu bawa jika tidak disertakan didalam borang permohonan yang telah dihantar):**
 - **Calon Tingkatan 3 : Slip Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan 1 & 2, Slip Ujian Penilaian 1 Tingkatan 3 (PT3)**
 - **Calon Tingkatan 4 : Slip Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan 2, Sijil Penilaian Tingkatan 3 (PT3), Slip Ujian Penilaian 1 Tingkatan 4**
 - **Calon Tingkatan 5 : Sijil Penilaian Tingkatan 3 (PT3), Slip Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan 4, Slip Ujian Penilaian 1 Tingkatan 5**
- 3. Surat sokongan dari Guru/Sekolah (*Recommendation letter from school teacher/school*)**
- 4. Lain-lain sijil yang berkenaan (Sijil Koko etc.)**
- 5. Surat temuduga ini.**

Calon-calon diminta memakai pakaian seragam sekolah semasa menghadiri temuduga pada hari yang telah ditetapkan. Segala perbelanjaan berhubung dengan pemilihan ini termasuk makan-minum dan pengangkutan adalah tanggungjawab calon sendiri.

Para ibu-bapa dijemput hadir untuk sesi taklimat pada jam 9.30AM. Semasa sesi temuduga dijalankan, ibubapa tidak dibenarkan berada di kawasan temuduga. Kerjasama daripada pihak ibubapa amatlah kami hargai.

Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan, sila berhubung dengan **En. Zainuddin** (*AFS Bangi Chapter*) melalui emel di zainuddin.hamzah@afs.org / +60 12-688 8270 atau hubungi pejabat kami di +6 03-7887 6866.

Sekian, terima kasih dan selamat maju jaya!

Yang benar,



Nani Taha
Pengurus Program
Yayasan AFS Antarabudaya Malaysia